

Sungai Belatop makin tercemar akibat pertanian tidak terkawal

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Penduduk Orang Asli di Tanah Tinggi Lojing di sini mendakwa, air Sungai Belatop yang merupakan sumber utama di penempatan mereka semakin tercemar akibat aktiviti pembukaan tanah pertanian yang tidak terkawal.


Malah penduduk beranggapan air sungai tersebut tidak akan kembali jernih seperti 30 tahun lalu selepas pembukaan tanah pertanian di kawasan tinggi itu terus berlaku.

Penghulu Pos Brooke Lama, Rian Bujang mendakwa, masalah itu sudah lama dilaporkan kepada pihak berwajib tetapi tiada usaha dilakukan untuk mengatasi dan memulihkan keadaan tersebut.

“Air sungai utama itu langsung tidak boleh digunakan penduduk sejak kebelakangan ini dan sekiranya mereka mandi di sungai, kulit menjadi gatal.

“Keadaan dijangka semakin teruk ketika musim hujan apabila air sungai jadi lebih keruh kerana air mengalir turun dengan cepat dari bukit yang dipercayai digondol pengusaha ladang sayur-sayuran,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang penduduk Orang Asli di Tanah Tinggi Lojing, Tahir Baharum (**gambar**), 29, berkata, masyarakat Orang Asli di sini berasa kecewa dan sedih dengan keadaan air sungai yang keruh dan



TAHIR menunjukkan sampel air Sungai Belatop yang keruh dan dipercayai tercemar akibat aktiviti pertanian di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang semalam.

Kebun sayur skala besar jejakkan Orang Asli di Lojing



KERATAN Kosmo/11 Februari 2013.

berselut.

“Suatu ketika dahulu, Sungai Belatop menjadi tumpuan penduduk

Orang Asli untuk mandi dan mengangkut air ke rumah untuk memasak namun sekarang tidak boleh digunakan lagi.

“Penduduk Orang Asli juga telah hilang sumber makanan dan punca pendapatan kerana ikan sungai telah mati ekoran air sungai kotor. Ketika ini penduduk Orang Asli terpaksa menggunakan air bukit yang kadang-kadang turut tercemar,” katanya.

Mayat lelaki reput ditemui di tebing sungai

SUNGAI PETANI – Mayat seorang lelaki yang telah reput dalam keadaan leher diikat dengan batu menggunakan wayar ditemui di tebing Sungai Petani berhampiran sebuah jambatan di Pekan Lama di sini semalam.

Mayat tanpa identiti itu ditemui dalam keadaan terlentang kira-kira tiga meter dari tebing sungai oleh orang awam yang melalui kawasan tersebut kira-kira pukul 11.30 pagi.

Ketika ditemui, sekumpulan biawak sedang mengerumuni mayat tersebut dan orang awam yang berada di lokasi kejadian bertindak menghalau haiwan berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Md. Zukir Md. Isa berkata, mangsa dipercayai telah meninggal dunia kira-kira tiga hari lalu berdasarkan keadaan mayat yang telah reput.

“Separuh badan mangsa yang memakai baju warna gelap dan berseluar pendek biru itu berada di dalam air kerana mayat ditemui ketika sungai surut.

“Tangan kiri mangsa juga telah reput sehingga menampakkan tulang dipercayai akibat dimakan binatang liar,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, mayat mangsa telah dihantar ke Hospital Sultan Abdul Halim di sini untuk bedah siasat.